

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan

Analisis kohesi yang telah dilakukan dalam dua bab yang lepas iaitu bab empat dan lima telah membuktikan kewujudan kohesi-kohesi rujukan, elipsis, substitusi, konjungsi dan leksikal dalam wacana penulisan Arab. Ini menunjukkan bahawa kohesi memainkan peranan yang utama dalam memastikan ketekstualan wacana Arab dan seterusnya dapat menghasilkan makna teks yang kontekstual, tersusun dan difahami pengguna bahasa. Ini juga menunjukkan bahawa wacana Arab tidak kekurangan unsur-unsur kohesi yang menjadi asas pertautan bahagian-bahagian wacana bahkan unsur-unsur tersebut telah lama menjadi topik perbahasan secara tidak langsung semenjak aliran sintaksis ayat lagi.

6.2 Kesimpulan Alat Kohesi dalam Korpus

Kajian ini menyaksikan sebanyak 5240 alat kohesi berjaya dikeluarkan dan dianalisis daripada keseluruhan 50 sampel wacana dengan purata sebanyak 104.8 alat bagi setiap sampel. Bilangan ini didahului oleh 2085 (39.79 %) kohesi rujukan, 2026 (38.66 %) kohesi konjungsi, 997 (19.03 %) kohesi leksikal, 129 (2.46 %) kohesi elipsis dan 3 (0.06 %) kohesi substitusi. Tiga

sampel yang mencatatkan pemerolehan alat kohesi yang tertinggi ialah *ASAH* {48} dengan pemerolehan sebanyak 160 (3.05 %) alat kohesi diikuti oleh *ASAH* {49} dengan pemerolehan sebanyak 157 (3.00 %) alat kohesi dan *ASAH* {35} dengan pemerolehan sebanyak 154 (2.94 %) alat kohesi. Manakala tiga sampel yang mencatatkan pemerolehan alat kohesi yang terendah ialah *ASAH* {2} dengan pemerolehan sebanyak 55 (1.05 %) alat kohesi diikuti oleh *ASAH* {24} dengan pemerolehan sebanyak 68 (1.30 %) alat kohesi dan *ASAH* {4} dengan pemerolehan sebanyak 71 (1.36 %) alat kohesi.

Dari segi pemerolehan berdasarkan setiap jenis kohesi, didapati bahawa tiga sampel yang mencatatkan pemerolehan kohesi rujukan yang tertinggi ialah *ASAH* {48} dengan pemerolehan sebanyak 70 (3.36 %) kohesi rujukan diikuti oleh *ASAH* {37} dengan pemerolehan sebanyak 68 (3.26 %) kohesi rujukan dan *ASAH* {33} dengan pemerolehan sebanyak 67 (3.21 %) kohesi rujukan. Manakala tiga sampel yang mencatatkan pemerolehan kohesi rujukan yang terendah ialah *ASAH* {2} dengan pemerolehan sebanyak 22 (1.06 %) kohesi rujukan diikuti oleh *ASAH* {4} dan *ASAH* {15} dengan masing-masing merekodkan pemerolehan sebanyak 27 (1.29 %) kohesi rujukan.

Dalam kohesi konjungsi, empat sampel yang mencatatkan pemerolehan yang tertinggi ialah *ASAH* {35} dengan pemerolehan sebanyak 63 (3.11 %) kohesi konjungsi diikuti oleh *ASAH* {28} dengan pemerolehan sebanyak 61 (3.01 %) kohesi konjungsi dan *ASAH* {25} serta *ASAH* {49} dengan masing-masing merekodkan pemerolehan sebanyak 58 (2.86 %) kohesi konjungsi. Manakala tiga sampel yang mencatatkan pemerolehan kohesi konjungsi yang terendah ialah *ASAH* {2} dengan pemerolehan sebanyak 23 (1.14 %) kohesi konjungsi diikuti oleh *ASAH* {7} dan *ASAH* {10}

dengan masing-masing merekodkan pemerolehan sebanyak 24 (1.18 %) kohesi konjungsi.

Dalam kohesi leksikal, tiga sampel yang mencatatkan pemerolehan yang tertinggi ialah *ASAH* {25} dengan pemerolehan sebanyak 32 (3.21 %) kohesi leksikal diikuti oleh *ASAH* {35} dan *ASAH* {36} dengan masing-masing merekodkan pemerolehan sebanyak 30 (3.01 %) kohesi leksikal. Manakala tiga sampel yang mencatatkan pemerolehan kohesi leksikal yang terendah ialah *ASAH* {14} dengan pemerolehan sebanyak 8 (0.80 %) kohesi leksikal diikuti oleh *ASAH* {2} dan *ASAH* {24} dengan masing-masing merekodkan pemerolehan sebanyak 9 (0.90 %) kohesi leksikal.

Dalam kohesi elipsis, empat sampel yang mencatatkan pemerolehan yang tertinggi ialah *ASAH* {35} dengan pemerolehan sebanyak 8 (6.20 %) kohesi elipsis diikuti oleh *ASAH* {20}, *ASAH* {25} dan *ASAH* {28} dengan setiap satu merekodkan pemerolehan sebanyak 7 (5.43 %) kohesi elipsis. Terdapat 10 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan kohesi elipsis. Manakala dalam kohesi substitusi hanya tiga sampel yang mencatatkan pemerolehan iaitu *ASAH* {8}, *ASAH* {27} dan *ASAH* {43} dengan setiap satu merekodkan pemerolehan sebanyak 1 (33.33 %) kohesi substitusi.

Jadual 56 berikut dapat menjelaskan dengan lebih terperinci bilangan dan peratusan jenis-jenis kohesi dalam setiap sampel analisis.

Jadual 56: Kesimpulan alat kohesi yang digunakan dalam korpus

ASAH	Bilangan kohesi nahu				Bilangan kohesi leksikal	Bilangan alat kohesi	Peratus alat kohesi (%)
	Rujukan	Elipsis	Substitusi	Konjungsi			
{1}	40	-	-	31	15	86	1.64
{2}	22	1	-	23	9	55	1.05
{3}	44	2	-	36	24	106	2.02
{4}	27	-	-	33	11	71	1.36
{5}	30	1	-	36	22	89	1.70
{6}	36	5	-	31	23	95	1.81
{7}	31	-	-	24	19	74	1.41
{8}	43	2	1	39	18	103	1.97
{9}	49	1	-	40	21	111	2.12
{10}	31	4	-	24	16	75	1.43
{11}	38	-	-	40	29	107	2.04
{12}	52	2	-	35	12	101	1.93
{13}	55	4	-	34	15	108	2.06
{14}	35	2	-	33	8	78	1.49
{15}	27	-	-	31	14	72	1.37
{16}	48	5	-	39	22	114	2.18
{17}	36	2	-	40	22	100	1.91
{18}	44	4	-	36	19	103	1.97
{19}	36	3	-	36	24	99	1.89
{20}	46	7	-	49	14	116	2.21
{21}	30	-	-	26	17	73	1.39
{22}	31	2	-	35	19	87	1.66
{23}	45	2	-	31	19	97	1.85
{24}	32	-	-	27	9	68	1.30
{25}	41	7	-	58	32	138	2.63
{26}	40	1	-	45	18	104	1.98
{27}	40	4	1	55	22	122	2.33
{28}	42	7	-	61	25	135	2.58
{29}	28	6	-	46	17	97	1.85
{30}	46	1	-	54	23	124	2.37
{31}	35	1	-	42	21	99	1.89
{32}	37	-	-	36	21	94	1.79
{33}	67	1	-	49	27	144	2.75
{34}	44	1	-	34	12	91	1.74
{35}	53	8	-	63	30	154	2.94
{36}	51	-	-	52	30	133	2.54
{37}	68	2	-	54	11	135	2.58
{38}	34	3	-	38	20	95	1.81
{39}	36	2	-	29	14	81	1.55
{40}	34	5	-	38	20	97	1.85
{41}	38	2	-	51	27	118	2.25
{42}	33	2	-	33	20	88	1.68
{43}	53	2	1	41	18	115	2.19

{44}	29	-	-	38	19	86	1.64
{45}	51	5	-	49	22	127	2.42
{46}	53	4	-	46	26	129	2.46
{47}	38	2	-	37	22	99	1.89
{48}	70	5	-	57	28	160	3.05
{49}	66	6	-	58	27	157	3.00
{50}	50	3	-	53	24	130	2.48
Jumlah	2085	129	3	2026	997	5240	100

6.3 Kesimpulan Rujukan

Kohesi rujukan merupakan jenis kohesi yang paling banyak diperolehi daripada sampel analisis. Dalam kohesi rujukan, empat alat telah diuji iaitu *ḍamīr bāriz muttaṣil* yang mencatatkan frekuensi tertinggi sebanyak 1180 kali (56.60 %), *ḍamīr mustatir* sebanyak 648 kali (31.08 %), *ḍamīr bāriz munfaṣil* sebanyak 141 kali (6.76 %) dan *ism al-'isyāraṭ* sebanyak 116 kali (5.56 %). Jadual 57 berikut merumuskan alat-alat kohesi rujukan yang telah diperolehi.

Jadual 57: Kesimpulan kohesi rujukan

Alat rujukan	Bilangan	Peratus (%)
<i>Ḍamīr bāriz munfaṣil</i>	141	6.76
<i>Ḍamīr bāriz muttaṣil</i>	1180	56.60
<i>Ḍamīr mustatir</i>	648	31.08
<i>ism al-'isyāraṭ</i>	116	5.56
Jumlah	2085	100

Dari segi pemerolehan berasaskan setiap alat rujukan, didapati bahawa sampel yang mencatatkan pemerolehan *ḍamīr bāriz muttaṣil* yang tertinggi ialah *ASAH* {37} dengan pemerolehan sebanyak 40 (3.39 %),

manakala *ASAH* {5} mencatatkan pemerolehan ḍamīr bāriz muttaṣil yang terendah iaitu sebanyak 11 (0.93 %). Ḍamīr mustatir paling banyak terdapat dalam *ASAH* {48} dengan pemerolehan sebanyak 26 (4.01 %) dan paling sedikit dalam *ASAH* {21} dengan pemerolehan sebanyak 4 (0.62 %). Ḍamīr bāriz munfaṣil pula paling banyak terdapat dalam *ASAH* {48} dengan pemerolehan sebanyak 10 (7.09 %). Sebanyak 5 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan ḍamīr bāriz munfaṣil. *Ism al-'isyāraṭ* mencatatkan pemerolehan tertinggi dalam *ASAH* {33}, *ASAH* {36} dan *ASAH* {48} dengan setiap satunya merekodkan pemerolehan sebanyak 6 (5.17 %). Terdapat 5 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan *ism al-'isyāraṭ*. Jadual 62(a) menjelaskan dengan terperinci agihan alat-alat kohesi rujukan dalam setiap sampel analisis.

6.4 Kesimpulan Elipsis

Dalam kohesi elipsis, tiga alat telah diuji iaitu elipsis *fā'il* yang mencatatkan frekuensi tertinggi sebanyak 71 kali (55.04 %), elipsis *ism kata kerja nāsikh* sebanyak 56 kali (43.41 %) dan elipsis *kata kerja nāsikh dan khabar* sebanyak 2 kali (1.55 %). Jadual 58 berikut merumuskan alat-alat kohesi elipsis yang telah diperolehi.

Jadual 58: Kesimpulan kohesi elipsis

Alat elipsis	Bilangan	Peratus (%)
Elipsis ism kata kerja nāsikh	56	43.41
Elipsis kata kerja nāsikh dan khabar	2	1.55
Elipsis fā'il	71	55.04
Jumlah	129	100

Dari segi pemerolehan berasaskan setiap alat elipsis, didapati bahawa sampel yang mencatatkan pemerolehan elipsis fā'il yang tertinggi ialah *ASAH* {25} dan *ASAH* {35} dengan setiap satunya merekodkan pemerolehan sebanyak 6 (8.45 %). Sebanyak 21 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan elipsis fā'il. Elipsis ism kata kerja nāsikh paling banyak terdapat dalam *ASAH* {21} dengan pemerolehan sebanyak 4 (7.14 %). Sebanyak 19 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan elipsis ism kata kerja nāsikh. Elipsis kata kerja nāsikh dan khabar hanya terdapat dalam *ASAH* {3} dengan pemerolehan sebanyak 2 (100 %). Jadual 62(a) menjelaskan dengan terperinci agihan alat-alat kohesi elipsis dalam setiap sampel analisis.

6.5 Kesimpulan Substitusi

Kohesi substitusi merupakan jenis kohesi yang paling sedikit diperolehi daripada sampel analisis. Dalam kohesi substitusi, hanya satu alat telah diuji iaitu tanwin al-ta'wīd yang mencatatkan frekuensi sebanyak 3 kali (100 %). Jadual 59 berikut merumuskan alat kohesi substitusi yang telah diperolehi.

Jadual 59: Kesimpulan kohesi substitusi

Alat substitusi	Bilangan	Peratus (%)
Tanwīn al-ta'wīd	3	100
Jumlah	3	100

Dari segi pemerolehan alat substitusi, didapati bahawa tanwīn al-ta'wīd hanya terdapat dalam *ASAH* {8}, *ASAH* {27} dan *ASAH* {43} dengan setiap satunya merekodkan pemerolehan sebanyak 1 (33.33 %). Jadual 62(a) menjelaskan dengan terperinci agihan alat kohesi substitusi dalam setiap sampel analisis.

6.6 Kesimpulan Konjungsi

Dalam kohesi konjungsi, tiga alat telah diuji iaitu ḥurūf jar yang mencatatkan frekuensi tertinggi sebanyak 1008 kali (49.75 %), ḥurūf al-'atf sebanyak 784 kali (38.70 %) dan konjungsi teks sebanyak 234 kali (11.55 %). Jadual 60 berikut merumuskan alat-alat kohesi konjungsi yang telah diperolehi.

Jadual 60: Kesimpulan kohesi konjungsi

Alat konjungsi	Bilangan	Peratus (%)
Ḥurūf al-'atf	784	38.70
Ḥurūf jar	1008	49.75
Konjungsi teks	234	11.55
Jumlah	2026	100

Dari segi pemerolehan berasaskan setiap alat konjungsi, didapati bahawa sampel yang mencatatkan pemerolehan huruf jar yang tertinggi ialah *ASAH* {48} dengan pemerolehan sebanyak 32 (3.17 %), manakala *ASAH* {21} mencatatkan pemerolehan huruf jar yang terendah iaitu sebanyak 8 (0.79 %). Huruf al-'atf paling banyak terdapat dalam *ASAH* {25} dengan pemerolehan sebanyak 28 (3.57 %) dan paling sedikit dalam *ASAH* {1} dengan pemerolehan sebanyak 6 (0.77 %). Konjungsi teks pula paling banyak terdapat dalam *ASAH* {27} dengan pemerolehan sebanyak 13 (5.56 %). Sebanyak 2 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan konjungsi teks. Jadual 62(a) dan 62(b) menjelaskan dengan terperinci agihan alat-alat kohesi konjungsi dalam setiap sampel analisis.

6.7 Kesimpulan Kohesi Leksikal

Dalam kohesi leksikal, tujuh alat telah diuji iaitu pengulangan yang mencatatkan frekuensi tertinggi sebanyak 522 kali (52.36 %), hiponim dan kohiponim sebanyak 131 kali (13.14 %), sinonim sebanyak 129 kali (12.94 %), antonim sebanyak 121 kali (12.13 %), kolokasi sebanyak 61 kali (6.12 %), superordinat sebanyak 28 kali (2.81 %) dan metonimi sebanyak 5 kali (0.50 %). Jadual 61 berikut merumuskan alat-alat kohesi rujukan yang telah diperolehi.

Jadual 61: Kesimpulan kohesi leksikal

Alat kohesi leksikal	Bilangan	Peratus (%)
Pengulangan	522	52.36
Sinonim	129	12.94
Antonim	121	12.13
Superordinat	28	2.81
Hiponim dan ko-hiponim	131	13.14
Metonimi	5	0.50
Kolokasi	61	6.12
Jumlah	997	100

Dari segi pemerolehan berasaskan setiap alat kohesi leksikal, didapati bahawa sampel yang mencatatkan pemerolehan pengulangan yang tertinggi ialah *ASAH* {35} dengan pemerolehan sebanyak 23 (4.41 %), manakala *ASAH* {21} mencatatkan pemerolehan pengulangan yang terendah iaitu sebanyak 3 (0.57 %). Hiponim dan ko-hiponim paling banyak terdapat dalam *ASAH* {11} dengan pemerolehan sebanyak 12 (9.16 %). Sebanyak 11 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan hiponim dan ko-hiponim. Sinonim paling banyak terdapat dalam *ASAH* {1}, *ASAH* {3}, *ASAH* {41} dan *ASAH* {46} dengan setiap satunya merekodkan pemerolehan sebanyak 6 (4.65 %). Sebanyak 4 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan sinonim. Antonim pula paling banyak terdapat dalam *ASAH* {25} dengan pemerolehan sebanyak 9 (7.44 %). Sebanyak 8 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan antonim. Kolokasi mencatatkan pemerolehan yang tertinggi dalam *ASAH* {42} dengan pemerolehan sebanyak 4 (6.56 %). Terdapat 16 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan kolokasi. Superordinat mencatatkan pemerolehan yang tertinggi dalam *ASAH* {6}, *ASAH* {7}, *ASAH* {10} dan *ASAH* {47} dengan setiap satunya merekodkan pemerolehan

sebanyak 2 (7.14 %). Terdapat 26 sampel yang tidak mencatatkan pemerolehan superordinat. Metonimi pula hanya terdapat dalam *ASAH* {1}, *ASAH* {9}, *ASAH* {16}, *ASAH* {21} dan *ASAH* {48} dengan setiap satunya merekodkan pemerolehan sebanyak 1 (20 %). Jadual 62(b) menjelaskan dengan terperinci agihan alat-alat kohesi leksikal dalam setiap sampel analisis.

Jadual 62(a): Distribusi alat-alat bagi jenis-jenis kohesi yang digunakan dalam korpus

ASAH	A	B	C	D	E	F	G	H	I
{1}	1	29	9	1	-	-	-	-	6
{2}	1	12	8	1	1	-	-	-	8
{3}	-	34	10	-	-	2	-	-	14
{4}	2	13	10	2	-	-	-	-	10
{5}	3	11	14	2	-	-	1	-	8
{6}	1	16	18	1	1	-	4	-	10
{7}	2	21	6	2	-	-	-	-	10
{8}	1	26	16	-	1	-	1	1	16
{9}	3	26	17	3	-	-	1	-	16
{10}	3	19	8	1	2	-	2	-	8
{11}	1	29	6	2	-	-	-	-	21
{12}	2	32	15	3	2	-	-	-	16
{13}	1	36	16	2	3	-	1	-	11
{14}	1	17	15	2	-	-	2	-	13
{15}	5	15	5	2	-	-	-	-	13
{16}	2	30	14	2	2	-	3	-	16
{17}	3	19	14	-	2	-	-	-	13
{18}	-	22	19	3	4	-	-	-	21
{19}	3	20	11	2	1	-	2	-	11
{20}	2	25	17	2	2	-	5	-	18
{21}	2	22	4	2	-	-	-	-	15
{22}	-	16	13	2	2	-	-	-	16
{23}	2	24	15	4	1	-	1	-	11
{24}	3	16	11	2	-	-	-	-	14
{25}	7	20	13	1	1	-	6	-	28
{26}	3	20	14	3	-	-	1	-	17
{27}	9	21	9	1	3	-	1	1	23
{28}	3	19	18	2	3	-	4	-	25

{29}	3	16	7	2	3	-	3	-	24
{30}	4	27	15	-	1	-	-	-	21
{31}	2	19	11	3	1	-	-	-	16
{32}	1	25	10	1	-	-	-	-	12
{33}	3	39	19	6	-	-	1	-	16
{34}	3	26	12	3	-	-	1	-	18
{35}	3	32	14	4	2	-	6	-	21
{36}	6	33	6	6	-	-	-	-	17
{37}	5	40	19	4	2	-	-	-	26
{38}	5	13	15	1	1	-	2	-	18
{39}	2	23	10	1	1	-	1	-	10
{40}	-	17	13	4	-	-	5	-	13
{41}	2	20	14	2	2	-	-	-	17
{42}	5	21	7	-	1	-	1	-	10
{43}	2	36	11	4	2	-	-	1	19
{44}	-	16	9	4	-	-	-	-	12
{45}	3	31	14	3	2	-	3	-	16
{46}	3	32	14	4	3	-	1	-	15
{47}	3	18	16	1	-	-	2	-	12
{48}	10	28	26	6	1	-	4	-	15
{49}	2	35	25	4	1	-	5	-	23
{50}	8	23	16	3	2	-	1	-	25
Jumlah	141	1180	648	116	56	2	71	3	784

A = Ḍamīr bārīz munfaṣīl

B = Ḍamīr bārīz muttaṣīl

C = Ḍamīr mustatīr

D = Ism al-'isyārah

E = Elipsis ism kata kerja nāsikh

F = Elipsis kata kerja nāsikh dan khabar

G = Elipsis fā'il

H = Tanwīn al-ta'wīd

I = Ḥurūf al-'atf

Jadual 62(b): Distribusi alat-alat bagi jenis-jenis kohesi yang digunakan

dalam korpus

ASAH	J	K	L	M	N	O	P	Q	R
{1}	22	3	4	6	1	1	2	1	-
{2}	13	2	7	1	-	-	-	-	1
{3}	17	5	9	6	2	1	4	-	2
{4}	18	5	6	2	-	-	1	-	2
{5}	22	6	14	-	4	-	1	-	3
{6}	17	4	10	3	4	2	4	-	-
{7}	13	1	5	1	2	2	8	-	1
{8}	23	-	8	1	4	1	1	-	3
{9}	20	4	7	5	3	1	2	1	2

{10}	12	4	5	3	-	2	5	-	1
{11}	13	6	11	2	2	1	12	-	1
{12}	17	2	6	2	-	-	2	-	2
{13}	21	2	9	1	2	-	2	-	1
{14}	15	5	4	1	3	-	-	-	-
{15}	15	3	11	1	2	-	-	-	-
{16}	22	1	11	1	2	1	3	1	3
{17}	23	4	17	3	-	-	-	-	2
{18}	12	3	4	3	2	1	8	-	1
{19}	23	2	7	3	3	1	8	-	2
{20}	26	5	8	1	1	1	1	-	2
{21}	8	3	3	3	2	1	5	1	2
{22}	16	3	12	2	2	-	-	-	3
{23}	12	8	9	2	3	1	3	-	1
{24}	13	-	6	-	2	-	-	-	1
{25}	28	2	14	3	9	1	5	-	-
{26}	22	6	12	3	3	-	-	-	-
{27}	19	13	8	4	5	1	3	-	1
{28}	28	8	14	5	4	-	-	-	2
{29}	20	2	6	4	4	-	1	-	2
{30}	25	8	16	4	2	-	1	-	-
{31}	24	2	12	4	2	-	1	-	2
{32}	22	2	9	5	2	-	4	-	1
{33}	25	8	14	3	3	1	6	-	-
{34}	15	1	8	2	-	-	1	-	1
{35}	30	12	23	3	2	-	1	-	1
{36}	26	9	17	3	3	1	4	-	2
{37}	23	5	5	2	2	-	1	-	1
{38}	16	4	11	1	1	1	6	-	-
{39}	14	5	12	1	-	-	1	-	-
{40}	20	5	11	2	3	1	3	-	-
{41}	24	10	14	6	7	-	-	-	-
{42}	17	6	11	2	1	-	2	-	4
{43}	20	2	10	3	1	-	1	-	3
{44}	19	7	10	1	5	-	-	-	3
{45}	26	7	10	4	2	1	4	-	1
{46}	25	6	16	6	-	1	3	-	-
{47}	21	4	14	-	1	2	5	-	-
{48}	32	10	13	2	6	1	5	1	-
{49}	28	7	21	3	3	-	-	-	-
{50}	26	2	18	-	4	-	1	-	1
Jumlah	1008	234	522	129	121	28	131	5	61

J = Huruf jar
K = Konjungsi teks
L = Pengulangan
M = Sinonim
N = Antonim

O = Superordinat
P = Hiponim dan ko-hiponim
Q = Metonimi
R = Kolokasi

6.8 Cadangan Kajian Susulan

Memandangkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji tertumpu kepada penggunaan kohesi dalam wacana penulisan dan mengambil teks sastera Arab sebagai konteks sosial kajian, maka adalah lebih baik kajian-kajian masa hadapan melihat kepada aspek-aspek lain yang antaranya:

- i- Kajian susulan boleh melihat penggunaan kohesi dalam bentuk wacana penulisan lain yang lebih hampir kepada pengguna bahasa Arab seperti teks-teks akhbar dan majalah serta buku-buku dan bahan-bahan bacaan semasa selain daripada novel.
- ii- Kajian susulan boleh melihat penggunaan kohesi dalam bentuk wacana lisan atau pertuturan seperti interaksi di kalangan pelajar-pelajar bahasa Arab dalam situasi-situasi tertentu, penyampaian cerita-cerita yang berbentuk naratif, persembahan teater Arab dan filem-filem Arab yang berkualiti.
- iii- Kajian susulan boleh dilakukan untuk mencapai objektif lain seperti objektif pendidikan. Untuk itu, kajian ini boleh menggunakan buku-buku teks sebagai data bagi mengkaji tahap kohesif kandungannya dan menentukan sama ada buku tersebut sesuai atau tidak dengan kemampuan pelajar serta objektif pembelajaran yang hendak dicapai. Hasil kajian boleh digunakan untuk memperbaiki lagi penghasilan buku-buku teks pada masa akan datang.
- iv- Kajian susulan juga boleh melihat kepada skop yang lebih spesifik. Umpamanya dengan melihat kepada aspek konjungsi sahaja dalam

penulisan karangan pelajar. Dengan cara ini, kajian dapat dilakukan dengan lebih terperinci dan hasil-hasil kajian yang diperolehi dapat terus disasarkan ke arah usaha untuk memperbaiki mutu penulisan pelajar.

- v- Kajian perbandingan secara kontrastif juga boleh dilakukan untuk tujuan-tujuan tertentu seperti pendidikan dan penterjemahan. Umpamanya konsep kohesi dalam wacana Arab boleh dibandingkan dengan yang terdapat dalam wacana Melayu bagi meneliti aspek-aspek persamaan, hampir sama dan perbezaan di antara keduanya. Ini seterusnya dapat memudahkan penguasaan konsep ini kepada pelajar-pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua dan juga membantu para penterjemah bahasa Arab kepada bahasa Melayu atau sebaliknya.

6.9 Penutup

Adalah menjadi harapan pengkaji supaya kajian yang telah dijalankan ini dapat memberi manfaat yang besar kepada pelbagai golongan seperti para pengkaji bahasa, penggubal-penggubal dasar bahasa dan pendidikan, penyedia-penyedia kurikulum, ahli-ahli akademik, guru-guru dan pelajar-pelajar bahasa Arab atau sesiapa sahaja yang berminat tentang bahasa.

Pengkaji juga berharap untuk menjadikan kajian ini sebagai pemangkin kepada kajian-kajian analisis wacana Arab yang lain dan seterusnya dapat mencetuskan proses pendefinisian semula (*redefinition*) kaedah-kaedah

sintaksis Arab kepada yang peka konteks selaras dengan kewujudan berbagai-bagai jenis wacana yang bergerak mengikut perkembangan dunia semasa. Adalah menjadi hasrat pengkaji untuk melihat kajian-kajian bahasa Arab yang lebih berani terutama dalam menerokai teori-teori baru yang sebelum ini dianggap asing dalam linguistik Arab. Ini bagi memastikan bahasa Arab sentiasa mencapai kedudukan tertinggi dan pengkaji akan terus berusaha menjadi salah seorang yang menyumbang kepada ketinggian tersebut.